

# Musyawarah tidak mungkin diadakan

KUALA LUMPUR 19 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, musyawarah antara UMNO dan Pas untuk menyelesaikan masalah berhubung perbezaan perjuangan politik antara kedua-dua parti tidak mungkin boleh diadakan selagi Pas terus mengenakan syarat.

Perdana Menteri berkata, UMNO sudah beberapa kali membuat tawaran kepada Pas untuk bermusyawarah bagi menyelesaikan segala masalah yang berbangkit tetapi parti pembangkang itu terus menetapkan syarat supaya UMNO menerima dahulu ajaran Islam yang diperjuangkan oleh Pas.

"Secara tidak langsung dia mengatakan kita tidak Islam," katanya pada persidangan berita selepas tamatnya hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dr. Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, baru-baru ini UMNO sekali lagi mengajak Pas mengadakan musyawarah berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam tetapi parti itu menolak.

Alasan yang mereka berikan, katanya, ialah UMNO tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar dan dengan itu tidak boleh diadakan perbincangan antara kedua-dua parti.

Hari ini, Sultan Kelantan, ketika merasmikan Persidangan Belanjawan Dewan Undangan Negeri di Kota Bharu, bertitah usaha untuk menggantikan undang-undang kolonial tidak sepatutnya disambut dengan bangkangan melulu tetapi dilakukan melalui musyawarah dan dilaksanakan secara beradab dan penuh tanggungjawab.

"Bukan kita tak cuba," kata Dr. Mahathir apabila ditanya tidak bolehkah UMNO dan Pas mengadakan musyawarah untuk menye-

lesaikan segala masalah yang berbangkit.

Perdana Menteri berkata, Pas juga pernah menjadi anggota Barisan Nasional (BN) dan beberapa orang pemimpinnya turut memegang jawatan di dalam Kabinet tetapi tindak-tanduk parti itu berlainan daripada parti-parti komponen lain di dalam BN.

Dr. Mahathir juga diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa "Pas tidak akan menggunakan perkataan kebangsaan kerana dengan itulah orang Melayu jahanam. Melayu tidak pernah minum arak, buang anak dan bohsia secara terang-terangan tetapi ini terjadi di zaman UMNO yang mengamalkan perjuangan kebangsaan."

Nik Abdul Aziz berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian Persidangan Belanjawan oleh Sultan Kelantan di Dewan Undangan Negeri, di Kota Bharu, hari ini semasa mempertahankan penggunaan perkataan "Islam" pada nama parti itu.

Dr. Mahathir mengulas kenyataan Nik Abdul Aziz itu dengan satu pertanyaan: "Apakah perjuangan Pas tidak menyebabkan gejala bohsia dan gejala-gejala sosial lain berlaku?"

Perdana Menteri berkata, gejala tidak sihat seperti bohsia dan penyalahgunaan dadah berlaku di merata tempat, termasuk di negeri Kelantan yang sekarang ditadbir oleh Pas.

"Apa dia yang dibuat oleh Pas (untuk mengatasi gejala-gejala itu)? Setakat yang kita tahu dia tidak ambil kisah langsung tentang masalah dadah. Cuma kita yang bangkitkan perkara ini dan kita juga yang mengenal pasti gejala sosial," tegas beliau.

Katanya, Pas tidak berbuat apa-apa selain asyik mencari kepentingan politik yang boleh menguntungkan parti itu.

Sebagai contoh, katanya, Pas

sanggup menjemput orang bukan Islam memberi syarahan semasa perayaan Maulidur Rasul untuk mendapatkan keuntungan politik.

Dr. Mahathir juga diminta mengulas kenyataan para pemimpin Pas bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah II Negeri Kelantan (Hudud) mengecualikan orang bukan Islam sebagai mencontohi hukuman Mahkamah Syariah yang turut mengecualikan orang bukan Islam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan BN sudah pun menyediakan satu undang-undang yang meliputi semua kaum di negara ini manakala undang-undang yang khusus untuk orang Islam seperti hukum faraid dan sebagainya dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah.

"Tetapi kalau dua orang mencuri, yang Islam tangannya dipotong tetapi kawan dia yang bukan Islam hanya kena penjara tiga bulan dan ini dianggap oleh Pas sebagai keadilan, saya hairanlah macam mana dia anggap orang Islam patut didera betul-betul sementara orang bukan Islam lepas begitu sahaja," tegas beliau.

Dr. Mahathir, yang menyifatkan cara Pas itu tidak mengikut kehendak hukum Islam sebenar, berkata jika hukum yang digubal parti berkenaan dilaksanakan juga maka akan berlaku ketidakadilan ketara dalam sebuah masyarakat majmuk di negara ini.

Malah, katanya, jika dikaji rekod Pas sejak penubuhannya, parti itu tidak banyak melaksanakan perkara-perkara yang secocok dengan Islam berbanding UMNO yang pencapaiannya bukan sahaja diterima rakyat Malaysia tetapi juga diiktiraf negara-negara Islam lain.

Sementara itu, beberapa pemimpin UMNO berpendapat kritikan mengenai penggunaan perkataan Islam oleh Pas bukanlah bertujuan memaki hamun parti itu, tetapi sebagai teguran

ikhlas mengelakkan agama Islam dari terus diperalatkan bagi kepentingan politik.

Naib Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak berkata: "Kalau kita bercakap benar, kita tidak boleh dianggap sebagai penabur fitnah atau menjatuhkan keaiban seseorang tetapi sekiranya kita menuduh seperti yang telah dilakukan Pas, perkara itu adalah salah.

"Kalau kita lihat dari segi perbuatan dan amalan pemimpin Pas, budaya maki hamun adalah corak politik mereka dan perkara itu adalah jauh lebih jelas dan hebat daripada yang berlaku semasa perhimpunan ini," katanya.

Naib Presiden UMNO Tan Sri Muhyiddin Yassin pula menafikan pemimpin UMNO menggunakan persidangan ini untuk mencari hamun parti Pas.

Malah tindakan UMNO menimbulkan isu parti politik Islam adalah kerana tindakan Pas menggunakan nama Islam yang telah menimbulkan pelbagai masalah mengenainya yang mengarah kepada perpecahan di kalangan umat Islam, katanya.

Muhyiddin, yang juga Menteri Besar Johor, berkata, perbincangan mengenai isu itu adalah bagi mencari jalan cara mana tindakan tidak bertanggungjawab Pas dapat diberhentikan dan tidak menjejaskan perpaduan umat Islam di negara ini.

Tindakan UMNO menegur Pas adalah satu amal kebajikan bagi tujuan ingat-mengingati satu sama lain, dan UMNO tidak pernah memaki hamun orang lain tanpa sebab dan bercakap atas asas yang nyata, katanya. — Bernama.